

Razaleigh bidas pembangkang

KUALA LUMPUR, Jumaat — Menteri Kewangan Tengku Razaleigh Hamzah hari ini membidas pihak pembangkang kerana membesar-besarkan 'perkara kecil' semasa perbahasan di Dewan Rakyat.

Bellau menyebut lubang-lubang di Lebuh Raya Seremban—Kuala Lumpur sebagai salah satu 'perkara kecil' yang dibesar-besarkan.

"Sebenarnya hanya terdapat dua atau tiga lubang sahaja di Lebuh Raya Seremban—Kuala Lumpur, tetapi pihak pembangkang sengaja membesar-besarkannya supaya dilaporkan oleh pihak akhbar," katanya disambut dengan tepukan gemuruh para ahli-ahli kerajaan.

Berucap menggulung perbahasan mengenai Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan 1981 dan 1982 dan Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat 1981, Tengku Razaleigh berkata:

"Salah satu lagi perkara yang ditimbulkan oleh pihak pembangkang berhubung dengan Jabatan Kastam.

"Seolah-olah semua orang yang bertugas dengan Jabatan Kastam

tidak cekap serta terlibat dengan rasuah. Saya ingin menjelaskan bahawa Jabatan Kastam menjalankan tanggungjawabnya dengan baik.

"Tidak ada berlaku kerugian hasil. Bagaimanapun, tidak dapat dinafikan adanya penyelewengan sedikit-sebanyak.

"Di dalam sesebuah keluargapun ada masalahnya, dan di dalam DAP sendiripun ada krisis."

Krisis

Ini sekali lagi disambut dengan gelak ketawa dari ahli-ahli Barisan Nasional.

Tengku Razaleigh selanjutnya menggesa pihak pembangkang supaya memberi pandangan membina.

"Apa yang kita mahu kan ialah kerjasama yang membina dari pihak pembangkang, bukannya yang memusnahkan," tegasnya disambut tepukan gemuruh lagi.

Dewan kemudian menjadi 'hangat sedikit' bila Datuk S. Samy Vellu dan Ketua Pembangkang, Encik Lim Kit Siang mencabar Datuk S. Samy Vellu supaya memberi penjelasan mengapa beliau ingin mengemukakan usul penangguhan

Dewan pada jam 7.00 petang buat kali keduanya.

Bagaimanapun, Timbalan Speaker, Datuk Dr. Hee Tien Lai memutuskan bahawa menteri berkenaan tidak perlu memberi penjelasan.